



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 July 2015



NAJIB TUN RAZAK dan Muhyiddin Yassin dalam Majlis Iftar Perdana Menteri Bersama Warga Pendidik di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

PM bertindak

um - 9/7/2015

■ KUALA LUMPUR 8 JULAI

DATUK Seri Najib Tun Razak hari ini mengambil langkah pertama tindakan undang-undang terhadap The Wall Street Journal berkaitan artikel yang mendakwa Perdana Menteri menyelewengkan hampir US\$700 juta daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bertindak bagi pihaknya ialah Tetuan Hafarizam Wan (amp) Aisha Mubarak yang menghantar surat hari ini kepada Dow Jones, penerbit WSJ, meminta pengesahan tentang pendiriannya berkaitan dakwaan dalam artikel-artikel itu yang disiarkan pada 2 dan 6 Julai.

Mereka berkata artikel-artikel itu mengandungi 'a plethora of convoluted, scumulous and vague allegations against our client' (pelbagai tuduhan yang berbelit, ofensif dan kabur terhadap anak guam kami).

"Dalam hal ini, kami diarahkan

oleh anak guam kami untuk mendapatkan pengesahan sama ada ini adalah pendirian kamu seperti yang dinyatakan dalam artikel-artikel itu bahawa anak guam kami menyelewengkan hampir US\$700 juta daripada 1Malaysia Development Berhad."

Para peguam itu berkata: "Artikel-artikel berkenaan mencadangkan secara kolektif bahawa kamu tidak pasti akan 'sumber asal wang itu dan apa yang terjadi terhadap wang berkenaan' sementara dari satu segi, intipati keseluruhan artikel-artikel itu mencetuskan tanggapan jelas anak guam kami telah menyelewengkan kira-kira US\$700 juta milik 1MDB."

"Dalam keadaan ini dan demi kepentingan anak guam kami, kami berharap akhbar kamu yang terkemuka dan bertaraf antarabangsa untuk tanpa ragu-ragu menyatakan dengan jelas sama ada adalah pendirian kamu yang anak guam

kami telah menyelewengkan kira-kira US\$700 juta milik 1MDB," kata mereka dalam surat itu yang dihantar menerusi e-mel.

"Kamu tidak syak lagi mengetahui betapa seriusnya tuduhan-tuduhan itu terhadap anak guam kami dalam artikel-artikel berkenaan dan pengesahan ini diminta bagi membolehkan kami menasihatkan anak guam kami tentang langkah undang-undang yang beliau boleh ambil untuk mendapatkan keadilan berhubung penerbitan artikel-artikel itu.

Para peguam itu menuntut jawapan kepada surat berkenaan dalam tempoh 14 hari mulai hari ini.

Mereka juga meminta untuk diberitahu sama ada WSJ telah melantik peguam dalam Malaysia untuk menerima khidmat prosiding undang-undang bagi pihaknya dan pemberita yang menulis artikel-artikel itu "jika prosiding undang-undang menjadi perlu." - BERNAMA